

Dos penggalak 6 bulan selepas lengkap vaksin

Berita HARIAN 109/10/2021 NIS 01

Oleh **Noor Atiqah Sulaiman**
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) semalam memberikan kelulusan bersyarat bagi pemberian vaksin COVID-19 jenis Comirnaty keluaran Pfizer-BioNTech sebagai dos penggalak.

Dos penggalak akan diberi sekurang-kurangnya enam bulan

selepas suntikan dos lengkap kepada individu berusia 18 tahun ke atas.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kelulusan bersyarat itu diputuskan dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-365 di sini, semalam.

“Vaksin Comirnaty keluaran

Pfizer Manufacturing Belgium NV (Belgium) dan BioNTech Manufacturing GmbH, Jerman sebelum ini telah diluluskan pendaftaran bersyarat bagi penggunaan dalam kalangan individu berumur 12 tahun dan ke atas pada 15 Jun lalu.


“Ini adalah vaksin COVID-19 pertama yang diluluskan bagi penggunaan dos penggalak di ne-

gara ini,” katanya dalam kenyataan semalam.

Beliau berkata, kelulusan pendaftaran bersyarat berkenaan memerlukan maklumat kualiti, keselamatan dan keberkesanan vaksin terbabit dipantau serta dinilai berdasarkan data terkini dari semasa ke semasa.

Nasional 7

**Berhati-hati
fenomena
air pasang besar**



Ombak kuat dan air pasang besar di Pantai Murni, Yan, Kedah sehingga melepasi tembok pejalan kaki membimbangkan pengunjung yang beriadah di kawasan itu. Fenomena yang berlaku sejak semalam membahayakan keselamatan nelayan bot kecil dan pemancing ikan. Orang ramai dinasihatkan berhati-hati ketika mengunjungi kawasan pantai disebabkan air pasang yang berlaku. **Nasional 20** (Foto Zuliaty Zulkifli/ BH)

Pastikan produk vaksin dinilai NPRA

Berita HARIAN (09/10/2021) M15 07

Dari Muka 1

“Ia bagi memastikan perbandingan manfaat-*risk*o (*benefit over risk*) bagi vaksin itu kekal positif.

“KKM juga sentiasa komited dalam mempertingkatkan akses kepada produk vaksin COVID-19 di negara ini dengan memastikan ia sudah dinilai daripada aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) dan diluluskan oleh PBKD,” katanya.

Dos penggalak merujuk kepada dos vaksin tambahan yang diberikan kepada individu dengan dua dos sudah cukup dari segi tindak balas imunisasi, namun pada beberapa bulan mulai menurun dan lazimnya diberi sebagai perangsang kepada sistem imunisasi supaya ia lebih berkesan terhadap COVID-19.

Difahamkan, Pfizer menjadi syarikat farmaseutikal pertama membuat permohonan kepada NPRA bagi dos ketiga atau dos penggalak di Malaysia.

Ketika ini, beberapa negara maju seperti Amerika Syarikat (AS), Jerman, Perancis, Israel sudah memulakan pemberian dos penggalak.

AS memberi dos penggalak lapan bulan selepas suntikan lengkap vaksin.

Bulan lalu, Dr Noor Hisham dilaporkan berkata, pemberian dos penggalak perlu kajian menyeluruh disebabkan vaksin yang diberi hanya mempunyai tindak balas imun bagi tempoh lapan bulan hingga setahun.



Orang ramai menerima suntikan vaksin dikendalikan petugas kesihatan di Klinik Kesihatan Sungai Bertek, Klang, semalam. (Foto Faiz Anuar/BH)

Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengumumkan kementeriaannya bersedia memulakan pemberian dos ketiga atau dos penggalak vaksin COVID-19 kepada orang, awam mulai awal bulan ini, namun belum dilaksanakan.

Katanya, kumpulan rentan atau golongan berisiko tinggi yang dikenal pasti KKM akan diberi keutamaan menerima suntikan dos terbabit, antaranya

warga emas yang mempunyai masalah kesihatan kronik, petugas barisan hadapan yang mempunyai penyakit berisiko tinggi, individu yang mempunyai sistem imun yang lemah serta individu yang berada dan bekerja di pusat jagaan warga emas.

Sejak Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dimulakan 24 Februari lalu, Malaysia menggunakan vaksin dua dos iaitu Pfizer, AstraZeneca dan Sino-

vac, selain vaksin satu dos Can-
sino.

Vaksin COVID-19 diberikan untuk mengawal penularan penyakit COVID-19 dan apabila semakin ramai orang mendapat vaksinasi, semakin ramai penduduk membentuk antibodi dan seterusnya mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang lebih teruk.

Mengikut laporan Institut Penyelidikan Klinikal KKM, vaksin AstraZeneca mengurangkan risiko kemasukan ICU sebanyak 96 peratus, Pfizer (92 peratus) dan Sinovac (77 peratus), manakala bagi kematian vaksinasi penuh AstraZeneca mengurangkan risiko sebanyak 96 peratus, Pfizer (93 peratus) dan Sinovac (84 peratus).

Sehingga tengah malam kelmarin, 20,856,337 atau 89.1 peratus daripada penduduk dewasa di negara ini sudah lengkap menerima dos vaksinasi COVID-19.

Berdasarkan data KKM menerusi portal COVIDNOW, 94.6 peratus atau 22,153,302 individu bagi populasi dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Pada masa sama, sebanyak 4.7 peratus remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sudah menerima suntikan vaksin COVID-19 yang lengkap setakat kelmarin, manakala 68.5 peratus sudah menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Kelmarin, KKM menandatangani surat aku janji untuk membeli pil antiviral Molnupiravir bagi menambah pilihan rawatan baharu untuk melawan COVID-19.